



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN
ARAS 3, ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500
03-8880 3900
Faks : 03-8888 4522
03-8880 3799

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan (27) JK(02) 946 jld.3

Ruj. Kami : 10 Februari 2015

Tarikh :

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PERINGATAN PENTING KEPADA PEMBEKAL BERHUBUNG KEPERLUAN BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN.

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana pihak tuan/puansedia maklum, berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (1PP/PK5/2013) dinyatakan bahawa keutamaan membekal kepada agensi Kerajaan adalah kepada pembekal yang eP enabled dan perkara ini amat penting dalam persediaan penggunaan Sistem NextGen eP baharu yang akan bermula Januari 2017 yang mana urusan perolehan sepenuhnya adalah secara atas talian menggunakan Sistem eP.

3. Sehubungan itu, pihak tuan/puan **DIWAJIBKAN** agar berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi membolehkan pengaksesan kepada Sistem eP dan membolehkan pihak tuan/puan berurusan dengan Agensi Kerajaan dalam sebarang perkhidmatan/pembekalan. Pihak tuan/puan diberikan **tempoh sehingga 30 Mac 2016** untuk memastikan tindakan ini dilaksanakan. Jabatan ini hanya akan memberi peluang kepada Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan selepas dari tarikh berkenaan.

4. Sekiranya tempoh sah laku sijil pendaftaran Kementerian Kewangan tuan/puan hamper tamat, pihak tuan/puan dipohon untuk memperbaharui sijil pendaftaran tersebut sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tamat sijil pendaftaran. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATIN LATIFAH BT HJ MOHD TAHAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA.

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)